

# Kumpulan silat gayung politeknik sentiasa giat



nal Singapura (NUS) dan Institut Teknologi Nanyang (NTI) terhadap kegiatannya yang semakin bertambah rancak itu.

"Beberapa pelajar dari kedua buah institut pengajian tinggi itu telah memohon untuk menjadi anggota kumpulan kami.

"Kami sedang menimbangkan permohonan mereka.

"Selain permintaan dari luar, kumpulan kami dapat berbangga kerana berupaya mengharumkan nama SP," kata Alwi.

Di dalam Pertandingan Silat Ketiga untuk merebut Piala Sidedek Saniff yang telah berlangsung di Kompleks Sukan Delta pada 19 Julai lalu, dua pesilat SP telah meraih kejayaan.

Mereka ialah Rosazmi Abu, johan divisyen Kelas B dan Mohd Yazid Yarly, pemenang

ketiga divisyen Kelas F.

"Kedua-dua mereka adalah pelajar tahun akhir Kejuteraan Laut," kata Alwi.

Menurut Alwi lagi, kumpulan silat itu juga telah menyertai temasya *Friends For Life - Charity Aid* SP yang berlangsung di kampus SP pada Oktober tahun lalu.

"Di dalam temasya itu kumpulan kami telah diminta oleh pihak penganjur untuk menunjukkan persembahan silat bersama kumpulan seni mempertahankan diri yang lain seperti kumpulan Tae-Kwon-Do dan Goju-Kai Karate.

"Selaku setiausaha kumpulan ini saya merayu para pelajar SP untuk menyertai kumpulan ini kerana dengan menjadi anggota, selain daripada kita dapat mempelajari seni mempertahankan diri, kita juga dapat mendalami seni warisan bangsa," kata Alwi.

Kumpulan Silat Seni Gayung SP dipimpin oleh Encik Ahmad Fajar Haji Abdul Rashid, seorang pensyarah di Jabatan Kejuteraan Laut SP.

Encik Ahmad Fajar memberitahu bahawa kumpulan silat ini ditubuhkan dengan enam objektif:

- untuk menggalak kebudayaan dan memelihara warisan budaya dan nilai-nilai masyarakat Melayu;
- untuk merapatkan hubungan pelajar-guru;
- untuk meningkatkan disiplin moral;
- untuk membina kecerdasan fizikal dan kesihatan;
- untuk membantu pelajar yang lemah; dan,
- untuk menggalak satu jenis seni mempertahankan diri.

"Kami amat berterima kasih kepada guru silat kami yang tidak asing lagi, Encik Hussain Kaslan, yang banyak memberi sokongan sehingga kumpulan ini dapat bergerak sendiri.

"Selain daripada itu, kami harap seni mempertahankan diri ini dapat dimasukkan ke dalam kurikulum pelajaran," kata Encik Ahmad Fajar lagi.

5 NOV 1987